

**JABATAN LAUT MALAYSIA  
WILAYAH TENGAH**

**NOTIS PELAWAAN SEBUT HARGA**

**NO. SEBUT HARGA: JLWT 06/2019**

**KERJA-KERJA PEMBAIKAN PENDAWAIAN ELEKTRIK, SISTEM PERPAIPAN,  
PENGHAWA DINGIN DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI JETI  
PENUMPANG PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN UNTUK JABATAN LAUT  
WILAYAH TENGAH**

Tawaran dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang beralamat di **Daerah Port Dickson, Negeri Sembilan** yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini dan mempunyai kod gred, kategori dan pengkhususan bidang sepertimana berikut:

**CIDB - Gred: G1, Kategori : B, Pengkhususan : B04 (Kerja-kerja Am Bangunan)**

Kontraktor yang berminat dikehendaki menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak pada **tarikh 29 April 2019, jam 10.30 pagi** di **Jeti Penumpang Port Dickson, Negeri Sembilan**  
**TEL: 03-31695100**

Lawatan tapak adalah **DI WAJIBKAN** dan hanya Pemilik / Penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) atau Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak. Wakil syarikat adalah tidak dibenarkan. Kontraktor yang tidak menghadiri Lawatan Tapak akan ditolak tawarannya.

Syarikat-syarikat yang berminat dikehendaki mengemukakan Sijil-sijil asal dan salinan fotokopi Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) semasa lawatan tapak dan ketika mendapatkan dokumen Sebutharga.

Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi mulai **30 April 2019** pada waktu pejabat (10.00 pagi hingga 5.00 petang) di;

**Jabatan Laut Malaysia Wilayah Tengah, Bahagian Khidmat Pengurusan, Blok A, Aras 2, Peti Surat 268 Jalan Foreshore, 42000 Pelabuhan Klang, Selangor Darul Ehsan.**

Sebutharga yang telah dilengkapkan hendaklah ditulis No. Sebutharga di sudut atas sebelah kiri sampul surat serta dimeterai dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga, Jabatan Laut Wilayah Tengah, tidak lewat jam **12.00 tengahari pada tarikh 06 Mei 2019 (ISNIN)**

Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** sama sekali.

Pengarah Laut  
Jabatan Laut Malaysia Wilayah Tengah

Tarikh Iklan: **22 April 2019**